

03 JUN 2003

ANIFAH-SEMAK/I

M'SIA MAHU POLAND SEMAK DUTI KE ATAS MINYAK SAWIT

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Malaysia mahu Poland mengkaji semula duti-duti ke atas minyak sawit negara ini supaya ia setara dengan minyak sawit Indonesia, Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Anifah Haji Aman berkata.

Duti ke atas minyak sawit mentah (MSM) Indonesia adalah 0 peratus berbanding 10 peratus bagi Malaysia dan 0 hingga 17.5 peratus bagi minyak sawit ditapis Indonesia berbanding 25.8 peratus bagi Malaysia.

Di dalam satu kenyataan di sini hari ini, Anifah berkata bahawa semasa perjumpaannya dengan para pegawai kanan Poland, beliau menarik perhatian mereka kepada perbezaan dalam duti-duti antara minyak sawit dan minyak-minyak lain, yang menjejaskan teruk import minyak sawit ke negara itu iaitu 25.8 peratus bagi minyak sawit berbanding 15.8 peratus hingga 20 peratus bagi minyak-minyak lain.

Anifah abru pulang daripad amisi ekonomi dan teknikal selama 13 hari ke Poland, Ukraine dan Romania dari 10-22 Mei, di mana beliau telah mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa berkaitan mengenai bagaimana mempertingkatkan perhubungan perdagangan dua hala daripada segi syarat-syarat perdagangan dalam komoditi-komoditi secara am dan minyak sawit dan koko khususnya.

Anifah berkata bahawa riombongan itu daiberitahu bahawa duti yang menindaws itu akan dihapuskan selepas Poland menyertai Kesatuan ERopah (EU) pada Mei 2004.

Semasa perjumpaan dengan para pegawai Poland itu, belua juga menyebut mengenai kontrak tanggung jawab yang ditanda tangani pada April, 2003 bagi menubuhkan kilang-kilang penapis dan kilang oleokimia sebagai sebahagian daripada pekej bagi pembelian Tangki Utama, supaya pihak-pihak Malauysia yang berminat boleh menyertainya.

"Saya juga membincangkan perjanjian timbal balas belian membabitkan produk-produk minyak sawit dan getah, bernilai AS\$111.2 juta, sebagai sebahagian pembayaran bagi kontrak Tangki Utama itu.

"Saya mengesyorkan bahawa pasukan khas dibentuk untuk berunding keseluruhan perjanjian belian timbal balas dan mengusahakan perincian antara pembekal-pembekal Tangki Utama dan pembekal minyak sawit di Malaysia," katanya.

Anifah berkata Poland akan untung dengan mengimport minyak sawit yang secara perbandingan lebih murah dan membangun kemungkinan adunan dengan biji sesawi mereka, misalnya untuk mengeluarkan bio bahanbakar dan produk-produk marjerin.

Di Kiev, Ukraine, Anifah menyebut bahawa jika pihak berkuasa boleh melonmnggarkan visa masuk, lebih banyak sektor swasta akan berniaga dan melabur di negara itu.

Beliau juga berkata sektor swasta Malaysia mahu Ukraine menyeragamkan prosedur perdagangan iaitu prosedur timbangtara.

Anifah juga menyebut bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Ukraine bulan ini untuk mempertingkatkan perhubungan dua hala.

Semasa perjumpaan beliau dengan pihak berkuasa berkaitan Romania, Anifah menggesa Romania mengimport minyak sawit secara langsung dari Malaysia tidak sebaliknya melalui negara ketiga yang akan lebih mahal.

Beliau juga membincangkan tawaran kredit Malaysia AS\$10 juta (RM38 juta) di bawah skim Aturan Pembayaran Kredit Minyak Sawit (PPOCPA) dan

meminta negara itu memperoleh kemudahan itu secepat mungkin.

Beliau juga meminta Romania mengurangkan tarifnya ke atas koko daripada 33 peratus kepada 5.0 peratus sebagai setara dengan negara-negara EU.

Keseluruhannya, Anifah berkata terdapat potensi yang besar bagi pasaran minyak sawit di ketiga-tiga negara itu. -- BERNAMA

TNS FR OS